



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

**KONVENSYEN PERBANDARAN NEGARA 2018  
17 JANUARI 2018 (RABU)  
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

## **ALUAN**

Yang saya muliakan, Saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique**

Timbalan Menteri

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

**Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negara**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Rakyat**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri**

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi Kerajaan

Pemimpin-pemimpin Masyarakat

Wakil-wakil Media

Yang Berbahagia Tan Sri- Tan Sri, Dato' Sri- Dato' Sri, Datuk-  
Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, peserta-  
peserta Konvensyen Perbandaran Negara yang saya hormati  
sekalian.

**Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.**

1. Pertamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita berkumpul di Putrajaya International Convention Centre sempena Majlis Penutup Konvensyen Perbandaran Negara 2018.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekalung tahniah dan terima kasih kepada :

- **Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,**
- **Yang Berbahagia Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;**
- serta pasukan khususnya PLANMalaysia, Bahagian Kesejahteraan Bandar serta Bahagian Dasar & Inspektorat

yang telah berusaha menjadikan **Konvensyen Perbandaran Negara 2018** ini suatu realiti.

3. Ucapan syabas dan tahniah juga saya sampaikan kepada semua peserta *Focus Group Discussion* (FGD) yang terdiri daripada:

- Ahli-Ahli Parlimen Malaysia,
- Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN),
- wakil-wakil daripada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan (Persekutuan/Negeri),
- Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan.
- ahli-ahli profesional,
- Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO); dan
- Persatuan/Pertubuhan perniagaan

kerana telah berbincang, memerah idea dan mencerakin pendapat demi membantu melakarkan kanvas baharu perencanaan perbandaran di negara. Selaras dengan cabaran urbanisasi dan keperluan penghuni bandar kini, landskap urbanisasi dan urbanisme baharu pasca-modern amat perlu diwujudkan untuk melestari kesejahteraan kehidupan rakyat di enklaf perbandaran.

## **KEPENTINGAN KONVENSYEN PERBANDARAN NEGARA 2018**

4. Pada tahun 2017, populasi penduduk negara adalah berjumlah 32 juta orang dengan seramai 23 juta atau 72%

merupakan penghuni bandar. Jumlah ini akan meningkat pada tahun 2025 dengan anggaran penduduk Malaysia seramai 34.3 juta orang, dimana populasi bandar dijangka mencapai 27.3 juta atau 79.6%.

5. Peningkatan jumlah penduduk bandar ini telah menghadirkan cabaran urbanisasi yang lebih besar kerana keperluan dan aspirasi setiap lapisan rakyat menjadi semakin beragam, khususnya dalam era globalisasi dan digital. Pengurusan dan pentadbiran bandar memerlukan satu anjakan paradigma baharu untuk menangani masalah miskin bandar yang semakin meningkat.
6. Pada masa yang sama, tadbir urus bandar yang cekap diperlukan untuk mendepani fenomena kepadatan penduduk yang biasanya mengheret bersama permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat
7. Justeru, isu-isu kesejahteraan rakyat bandar merupakan perkara yang perlu diberi perhatian dalam proses urbanisasi. Kedua-dua **pembangunan infrastruktur** serta **pembangunan insan** bandar perlu diletakkan di atas jajaran keseimbangan agar kesejahteraan fizikal dapat

dinikmati, manakala kesejahteraan rohani dapat diperolehi.

**YBhg Dato' Sri, Dato-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

8. Mengambil kira misi KPKT iaitu "**Ke Arah Mensejahterakan Rakyat**" serta kepentingan **pembangunan infrastruktur** serta **pembangunan insan bandar** yang perlu diseimbangkan, KPKT telah merangka **Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB)** sepertimana yang telah dibincangkan dalam konvensyen ini.
  
9. Sememangnya lah Teras-teras Agenda Perbandaran Baharu yang digariskan boleh menjadi sumber rujukan kita. Namun, Kerajaan berhasrat mewujudkan bentuk bandar Malaysia bagi tahun 2030, bermula dengan acuan dan kerangka hala cara kita sendiri. Alhamdulillah, Resolusi daripada konvensyen hari ini saya anggap sebagai himpunan cetusan idea dan aspirasi rakyat Malaysia yang menjadi input penting dalam memuktamadkan draf PSRB.

## **A. PEMBANGUNAN PERUMAHAN**

**YBhg Dato' Sri, Dato-Dato' Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
sekalian,**

10. Salah satu isu penting perbandaran adalah kecukupan tempat tinggal penduduk bandar. Selain daripada fokus kepada pembinaan 1 juta unit rumah mampu milik (RMM), Kerajaan amat komited dengan agenda pembangunan perumahan di bawah RMK 11. Sehingga kini, di bawah sasaran rekod yang dikumpul Kementerian ini selaku Ketua Kumpulan Fokus bagi Teras 2 di bawah RMKe 11, sebanyak 255,341 unit rumah (23%) telah disiapkan, manakala sebanyak 285,097 unit rumah (25.6%) dalam proses pembinaan dan sebanyak 432,415 unit rumah (38.9%) berada dalam proses perancangan.
  
11. Menyediakan rumah yang mencukupi, selesa dan mampu milik, khusus untuk masyarakat bandar, merupakan misi saya yang paling utama. Saya mahukan semua penduduk bandar di negara ini, khususnya golongan B40 dan M40, berpeluang mendapat perlindungan tempat tinggal yang kondusif dan selamat. Hasrat ini selaras dengan konsep 'Shelter for All' di dalam PSRB.

12. Lebih daripada itu, saya juga serius dalam memastikan setiap perumahan yang dibangunkan dapat memenuhi keperluan spesifik individu atau keluarga yang tinggal di dalamnya. Malah, keperluan ekonomi serta sosial penduduk bandar perlu wujud bersekali dan dipenuhi dalam ekologi urbanisasi negara masa kini dan akan datang.

**(i) Projek Perumahan Rakyat (PPR)**

13. Jabatan Perumahan Negara (JPN) memikul tanggungjawab besar untuk menyediakan rumah PPR bagi:

- menampung keperluan rakyat miskin; dan
- penempatan semula setinggan.

14. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 109 projek yang terdiri daripada 84,490 rumah PPR telah disiapkan. Terdapat 23 projek PPR dengan 10,066 unit yang masih dalam proses perancangan. Rumah PPR ini sama ada dijual atau disewa, adalah dengan kadar yang rendah dan mampu ditanggung oleh golongan B40.



15. PPR sedia ada dan pada masa hadapan, termasuk rumah kos rendah dan sederhana rendah, perlu dilengkapi dengan peralatan berasaskan teknologi hijau dan pintar, seperti pemasangan *photovoltaic cell* dan pencahayaan jimat elektrik.
16. PPR kini dan masa hadapan juga perlu mengambil kira risiko bencana alam dan perubahan cuaca setempat yang drastik supaya semua unit-unit perumahan ini memiliki ciri berdaya tahan dan jaminan keselamatan.
17. Pada masa hadapan juga PPR haruslah lengkap disediakan dengan premis atau ruang berniaga kepada penduduk untuk menjana ekonomi setempat. PPR juga sewajarnya disediakan dengan kemudahan asas seperti surau, ruang riadah, taman permainan serta pondok polis untuk pengisian keperluan sosial dan keselamatan penduduk. Dilengkapi jalinan pengangkutan awam yang mudah dan murah ke tempat kerja serta aksesibiliti kemudahan awam juga antara ciri penting yang bakal dipenuhi bagi PPR kos rumah rendah dan sederhana rendah pada tahun 2025.

**(ii) Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3P)**

18. Memenuhi tanggungjawab sebagai Menteri, saya sentiasa membuat pemantauan dengan turun padang ke PPR, misalnya di Lembah Subang. Saya dapati kawasan tersebut tidak terurus dan sangat menyedihkan. Selain pengurusan oleh pihak Kerajaan Negeri yang lemah, terdapat penduduk yang tidak menjelaskan bayaran penyelenggaraan.
19. Pada masa sekarang, Kerajaan Persekutuan hanya membina dan seterusnya menyerahkan PPR kepada Kerajaan Negeri dan PBT. Dalam konteks negeri yang ditadbir oleh selain Kerajaan Barisan Nasional, kaedah ini tidak lagi berdaya maju dan efisien, sebaliknya gagal memastikan kesejahteraan penghuni.
20. Kerajaan merasakan sudah sampai masanya untuk kita menubuhkan sebuah **Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3P)** yang dapat melaksana aktiviti penyediaan dan pengurusan rumah secara lebih efisien kepada rakyat bandar yang memerlukan.

21. Perbadanan 3P ini akan merancang, membina, mengurus dan membina semula PPR, termasuk rumah kos rendah dan sederhana rendah, dengan membuat penilaian ke atas kekukuhan struktur bangunan rumah yang melebihi 20 tahun untuk tujuan pembangunan semula.

**(iii) Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M)**

22. Saya juga mendapati mereka yang tinggal di perumahan kos rendah dan sederhana rendah swasta sering menghadapi masalah lif rosak, tangki air dan bumbung yang bocor dan cat bangunan yang usang.

23. Bagi saya lif itu umpama sebuah jalan raya di kawasan perumahan. Jika lif tidak berfungsi, bagaimana penduduk boleh menjalani kehidupan yang selesa? Bayangkan jika ada kecemasan seperti kematian dan juga sakit, bagaimanakah penduduk perumahan strata ini menghadapinya?

24. Isu ini telah saya ketengahkan kepada YAB Perdana Menteri dan sebagai manifestasi keprihatinannya, beliau telah meluluskan peruntukan khas untuk membaik pulih perumahan kos rendah sebanyak RM170 juta dalam Bajet 2018 di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

25. TP1M menyediakan bantuan baik pulih hartanah bersama yang ditadbir oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).
26. Di bawah TP1M ini, antara bantuan baik pulih yang diberikan adalah meliputi skop berikut:
- a) Pembaikan/penggantian lif
  - b) Pendawaian semula
  - c) Pembaikan tangga dan susur tangan
  - d) Pembaikan/penggantian tangki air dan sistem retikulasi
  - e) Penggantian paip sanitari
  - f) Penggantian bumbung
  - g) Mengecat semula
27. Baru baru ini, saya juga telah meluluskan peruntukan untuk penduduk di Mentari Court iaitu sebanyak:
- RM6 juta untuk menambah baik pulih tangki dan *waterproofing*; dan
  - RM 300,000 untuk surau.

#### **(iv) Pertikaian Pengurusan Strata**

28. Terdapat hampir 17,000 skim pemajuan strata di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tren pembangunan berstrata khususnya di kawasan bandar, akan meningkat di masa hadapan.
29. Dengan itu, Kerajaan telah menggantikan Akta 663 kepada Akta 757 bagi memperluaskan skop pengurusan strata dan memberi lebih kuasa kepada JMB/MC.
30. Dalam hali ini, Tribunal Pengurusan Perumahan Strata telah ditubuhkan bagi menyelesaikan pertikaian perumahan dan pengurusan strata. Sebanyak lebih kurang 2,000 kes diselesaikan oleh trinual ini setiap tahun.

#### **(v) Miskin Bandar**

31. KPKT bertanggungjawab melaksanakan program-program yang boleh membantu meningkatkan pendapatan dan status ekonomi penduduk miskin bandar. Program-program tersebut menjurus kepada pemberian *empowerment* kepada rakyat miskin untuk berdikari. Peserta dibekalkan dengan kemahiran pengurusan

kewangan dan kelengkapan mengikut perniagaan yang dipilih, iaitu seperti Program:

- (i) AZAM Bandar; dan
- (ii) Kios Penjaja Bandar.

32. Sistem Orang-e turut akan dimantapkan bagi memberi peluang kepada komuniti untuk berniaga dengan menyediakan platform pemasaran produk dan perkhidmatan secara atas talian.
33. Dalam hal ini, Kementerian juga boleh memikirkan kaedah bagaimana komuniti bandar yang berkemampuan boleh menyumbang semula kepada warga bandar yang miskin menerusi program zakat dan infaq secara lebih tersusun. Moga-moga dengan pendekatan ini kehidupan masyarakat bandar menjadi lebih berkat dan makmur.

## **B. HARAPAN KERAJAAN**

**YBhg Dato' Sri, Dato-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
sekalian,**

### **(I) Program Pembangunan Perumahan**

34. Kerajaan berhasrat agar rakyat Malaysia berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri. Ke arah itu, Kerajaan sedang meneliti pelbagai pendekatan pembangunan perumahan yang boleh memenuhi latar belakang, keperluan dan gaya hidup penduduk bandar yang pelbagai. Ini termasuk menyediakan persekitaran yang berdaya huni.
35. Menyediakan insentif atau bantuan kepada golongan B40 dan M40 dalam aspek pemilikan rumah merupakan satu inisiatif Kerajaan yang murni. Ini termasuk menyediakan mekanisme untuk mendapatkan bantuan kewangan atau pemilikan dengan lebih mudah seperti **MyDeposit**, **MyHome** dan **Rent-to-Own**.
36. Program yang menyediakan kemudahan perumahan yang lebih selesa kepada 'extended family' atau setelah keluarga menjadi besar, turut akan dipertimbangkan.

Pendekatan ini memberi peluang kepada penduduk bandar menduduki atau menaik taraf tempat tinggal mereka, sesuai dengan saiz keluarga.

37. Selain dari Program Rumah Transit untuk Pasangan Baru Kahwin dan Belia, Kerajaan akan turut mempertimbangkan pembangunan perumahan untuk mereka yang berada di bandar untuk bekerja. Pada hujung minggu, golongan ini akan kembali semula ke desa untuk bersama keluarga. Rumah jenis studio mungkin sesuai dengan golongan penghuni seperti ini.
38. Pada umumnya, Kerajaan juga akan memastikan pemakaian '**Piawaian Perumahan Berkualiti**' (QLASSIC) yang dibangunkan oleh CIDB bagi meningkatkan kualiti keseluruhan perumahan pada masa akan datang.

## **(II) Penambahbaikan Sistem Penyampaian Kerajaan**

39. Semua pihak khususnya PBT perlu bekerjasama dengan Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan tadbir urus bandar adalah pada tahap terbaik. Kita semua hendaklah berganding bahu dan bersatu hati untuk memastikan kehidupan rakyat di bandar selamanya selesa dan sejahtera.



40. Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016 bertujuan memastikan kebersihan dipertingkatkan untuk kesejahteraan masyarakat. Kaedah teknologi terkini untuk merawat sisa pepejal termasuk **waste-to-energy** akan diperkenalkan.
41. Pihak PBT juga seharusnya sudah bersedia dengan aktiviti ekonomi yang mementingkan alam sekitar dan kemampanan. Justeru, aspek berkaitan **upcycling** dan **circular economy** sepatutnya sudah mula dibincang dan dibangunkan di peringkat tadbir urus masing-masing. Kita tidak boleh ketinggalan dari segi komitmen dan penglibatan dalam mensejahtera alam sekitar sebagai memenuhi testimoni sebuah negara yang prihatin dengan kelestarian bumi.
42. Selain itu, PBT harus meningkatkan keselamatan penduduk bandar melalui pengaplikasian Reka Bentuk Bandar Selamat di dalam *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED).

### C. RESOLUSI

43. Saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan *Focus Group Discussion* pada pagi tadi. Di sini, saya telah menerima resolusi kesejahteraan bandar, hasil daripada perbincangan yang telah dijalankan.
44. Resolusi ini akan saya sampaikan kepada YAB Perdana Menteri dan pada masa yang sama akan dijadikan sebagai input dan panduan dalam memperkasakan draf PSRB.
45. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya pelaksanaan PSRB ini akan mendapat kerjasama yang padu dari pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Bukan Kerajaan, pihak swasta dan komuniti bandar apabila dilancarkan kelak, demi memastikan tahap kesejahteraan rakyat bandar tercapai.

## **PENUTUP**

46. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini dengan sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta yang telah menjayakan Konvensyen Perbandaran Negara 2018 ini.

47. Dengan lafaz mulia, dengan kalimah **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan ini merasmikan **penutupan Konvensyen Perbandaran Negara 2018**.

Sekian, Wabillahi taufiq Wal Hidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.